

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak mengikut pecahan negeri, jumlah permohonan, status semakan, kekerapan mengemas kini data dan pecahan keputusan yang mempunyai rekod dan tidak mempunyai rekod.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat **menyimpan dan menyenggara maklumat berkenaan kanak-kanak di dalam suatu daftar yang dikenali sebagai Daftar Kanak-kanak. Maklumat pesalah kes kanak-kanak didaftarkan di bawah Daftar Kanak-Kanak ini adalah diperolehi daripada Pendaftar Mahkamah seluruh negara.** Sistem semakan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak telah dikuatkuasakan pada 1 April 2019.

Berdasarkan statistik terkini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menerima **279 permohonan** bagi menyemak pesalah jenayah seksual kanak-kanak dari pelbagai agensi dan individu. Daripada jumlah permohonan tersebut, seramai **4,771 individu** telah disemak bagi tempoh 2019 hingga Julai 2021.

Berdasarkan statistik JKM, Negeri Selangor mencatatkan jumlah individu paling tinggi yang dimohon untuk membuat semakan pesalah jenayah seksual iaitu sebanyak **1,299 orang. Seterusnya** diikuti dengan Negeri Sarawak sebanyak **680** orang dan Negeri Kedah sebanyak **657** orang. Pecahan permohonan mengikut negeri bagi semakan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak adalah seperti berikut:

Pecahan Permohonan Semakan Mengikut Negeri

BIL.	NEGERI	SEHINGGA JULAI 2021 (KUMULATIF)	
		JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH INDIVIDU YANG DISEMAK
1.	Selangor	31	1,299
2.	Sarawak	7	680
3.	Kedah	83	657
4.	Sabah	14	537
5.	WPKL	69	535

BIL.	NEGERI	SEHINGGA JULAI 2021 (KUMULATIF)	
		JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH INDIVIDU YANG DISEMAK
6.	N.Sembilan	1	352
7.	Kelantan	39	204
8.	Terengganu	3	181
9.	Perak	5	131
10.	Pahang	10	77
11.	Johor	6	40
12.	Perlis	4	21
13.	P.Pinang	5	33
14.	Melaka	2	24
15.	Labuan	0	0
JUMLAH		279	4,771

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem semakan pesalah jenayah seksual kanak-kanak bukanlah satu-satunya kaedah menghalang jenayah, namun ia **merupakan pendekatan bagi melindungi kanak-kanak dan mengekang jenayah kanak-kanak daripada berlaku serta berulang.** Seseorang yang ingin mengambil pekerja dalam bidang berkaitan pengurusan kanak-kanak boleh membuat semakan untuk memastikan individu yang diambil bekerja bebas daripada rekod jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Berdasarkan rekod JKM, **semua individu yang disemak tidak mempunyai rekod jenayah seksual terhadap kanak-kanak.** Maklumat pelaku yang telah disabitkan atas apa-apa kesalahan terhadap kanak-kanak yang **diperolehi dari Pendaftar Mahkamah akan dikemaskini di dalam sistem semakan pesalah jenayah seksual kanak-kanak setiap tiga (3) bulan sekali.**

Sekian, terima kasih.